

---

**PEKELILING PENGURUSAN BIL. 4 TAHUN 2021**

---

**PENGUNAAN FRASA “PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN**

**TUJUAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat edaran dengan nombor rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (4) bertarikh 26 Januari 2021 bagi memaklumkan penggunaan frasa baharu dalam urusan penyediaan surat rasmi Kerajaan.

**PELAKSANAAN**

Selaras dengan Proklamasi Darurat yang dibuat pada 12 Januari 2021 yang lalu dan sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam menghayati dan memberi komitmen sepenuhnya kepada langkah-langkah yang diambil dalam menangani pandemik COVID-19 ini, maka Kerajaan bersetuju supaya satu frasa baharu iaitu : “**PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19**” ditambah sebelum frasa “**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**” dalam semua surat rasmi Kerajaan. Frasa ini akan digunakan selagi Proklamasi Darurat masih berkuatkuasa.

Pelaksanaan penggunaan frasa ini adalah digunapakai bagi semua surat rasmi Kerajaan ke luar UTHM sahaja.

**TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Pengurusan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,



**ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN**

Pendaftar

☎ : 07-4537100

